YAYASAN PENERAJU PENDIDIKAN BUMIPUTERA

NEGARAKU

GELOMBANG 2

2015-2017

# #ini cerita saya

KOLEKSI KISAH

REALITI. ASPIRASI. INSPIRASI

YAYASAN PENERAJU PENDIDIKAN BUMIPUTERA

Diterbitkan oleh **YAYASAN PENERAJU PENDIDIKAN BUMIPUTERA**
Tingkat 15-1, Mercu UEM, Jalan Stesen Sentral 5, KL Sentral 50470 Kuala Lumpur

© **YAYASAN PENERAJU PENDIDIKAN BUMIPUTERA, 2015**
Cetakan Edisi Pertama 2015
Cetakan Edisi Kedua 2017

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, foto dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan apa juga cara sama ada dalam bentuk elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

GELOMBANG 2

2015-2017

# #ini cerita saya

KOLEKSI KISAH

REALITI. ASPIRASI. INSPIRASI

# Isi Kandungan


**05** Perutusan Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Yayasan Peneraju
**YB Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan**

**08** Nukilan Ketua Eksekutif  Yayasan Peneraju
**Y.M. Raja Azura Raja Mahayuddin**

**12** **Mengenai Kami**

**16** **'Tekad' oleh Raja Azura**

**17** #iniceritasaya
**Kisah-kisah Realiti. Aspirasi. Inspirasi Penerima Faedah Peneraju Tunas**

**33** #iniceritasaya
**Kisah-kisah Realiti. Aspirasi. Inspirasi Penerima Faedah Peneraju Skil**

**53** #iniceritasaya
**Kisah-kisah Realiti. Aspirasi. Inspirasi Penerima Faedah Peneraju Profesional**

**70** **Dari Mata Media**





# Perutusan Menteri

di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Yayasan Peneraju

# YB Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan



## *50 Reasons Why*

**Assalammualaikum dan Salam 1Malaysia.**

**Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syabas kepada pasukan editorial #iniceritasaya edisi kedua atas komitmen dan kerja keras mereka sehingga berjaya menerbitkan naskhah istimewa ini. Ucapan tahniah juga saya tujukan kepada anak-anak Yayasan Peneraju yang sudi berkongsi kisah kejayaan mereka sebagai inspirasi buat kita semua.**

Seperti yang kita sedia tahu, Yayasan Peneraju merupakan salah sebuah agensi kerajaan yang diberi amanah untuk mendukung agenda nasional khususnya dalam pembangunan Bumiputera selaras Rancangan Malaysia ke-11. Sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang dipertanggungjawabkan kepada Unit Perancang Ekonomi, saya diberi mandat untuk membantu Yayasan Peneraju bagi mencapai visi dan misinya.

Mengimbas kembali ketika saya mula-mula mengambil alih tugas ini, Yayasan Peneraju telah pun berjaya membantu lebih daripada 10,000 penerima faedah di bawah kepimpinan Tan Sri Dato' Sri Abdul Wahid Omar (2013-2016) dan menteri sebelumnya Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (2012-2013). Hari ni, benih yang disemai, dibaja dan disiram sejak 5 tahun lalu sudah mula membuahkan hasil yang mana kehidupan lebih 15,000 golongan Bumiputera telah menjurus ke arah yang lebih baik. Jadi, saya lihat tidak mustahil untuk capai sasaran seterusnya yakni mengubah kehidupan lebih 40,000 golongan Bumiputera di masa akan datang. Syabas Yayasan Peneraju atas pencapaian membanggakan ini.

Namun begitu, intipati naskhah ini bukan sekadar untuk meraikan kejayaan Yayasan Peneraju tetapi untuk kita menghayati kisah inspirasi anak-anak Yayasan Peneraju yang mana kehidupan mereka kini telah **BERUBAH!** Saya amat tertarik dengan konsep dan judul naskhah ini iaitu #iniceritasaya di mana ia memberi peluang kepada mereka yang telah berjaya untuk menulis sendiri kisah mereka dalam mengejar kehidupan yang lebih sempurna.

Sebelum ini kita membesar dengan watak-watak animasi *superheroes* seperti *Wonder Woman, Superman, Ironman, Thor,* dan *Power Rangers!*. *To  me, those are fictions!*. Bagi saya, penulis **#iniceritasaya** merupakan **HERO** yang sebenar! Buku ini memaparkan bagaimana setiap individu yang berlainan umur, latarbelakang, tahap pendidikan, pengalaman dan matlamat hidup melakukan sesuatu yang hebat dan berjaya mengikut aspirasi mereka sendiri.

Saya sendiri pernah menerima nukilan adik Anne (Wireeannnesilvianis Wongkin) bersama-sama YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri serta beberapa ahli Menteri lain yang turut menerima surat hasil tulisan tangan daripada beberapa anak-anak di bawah

**"Sebelum ini kita membesar dengan watak-watak animasi *superheroes* seperti *Wonder Woman, Superman, Ironman, Thor, dan Power Rangers!. To  me, those are fictions!*. Bagi saya, penulis #iniceritasaya merupakan HERO yang sebenar! Buku ini memaparkan bagaimana setiap individu yang berlainan umur, latarbelakang, tahap pendidikan, pengalaman dan matlamat hidup melakukan sesuatu yang hebat dan berjaya mengikut aspirasi mereka sendiri."**



bimbingan dan bantuan Yayasan Peneraju.

Mereka menulis kisah mereka dan menyatakan komitmen untuk belajar bersungguh-sungguh. Mereka juga menyatakan rasa syukur dan bertuahnya mereka mendapat peluang menjadi penerima faedah Yayasan Peneraju. Luahan hati mereka menyentuh hati dan membakar semangat kami sebagai pemimpin dan harapan saya melalui #iniceritasaya, para pembaca akan turut merasai perasaan sama.

Saya melihat, inisiatif Yayasan Peneraju menerusi penerbitan #iniceritasaya juga sebenarnya memberi *direct input* yang positif kepada kerajaan sebagai pembuat dasar kerana ianya menyuntik semangat kami untuk terus membantu dan menyokong usaha membangunkan bakat Bumiputera. ***These are 50 reasons why we do what we do!*** Akhir kata, saranan saya kepada golongan belia, ayuh jadikan kisah rakan-rakan anda ini sebagai sumber inspirasi manakala kepada pihak keluarga, pendidik, pemimpin masyarakat dan masyarakat amnya, sudah tiba masanya untuk kita dendangkan kisah wira-wira ini sebagai contoh generasi masa depan negara yang akan mendukung agenda nasional dan merealisasikan laungan 'Bumiputera Mampu Berjaya di Persada Dunia!'

Kepada wira-wira yang telah sudi mengambil bahagian dalam inisiatif ini, **TERIMA KASIH** kerana memberi inspirasi kepada kami semua dengan **#iniceritasaya.**

**YB DATUK SERI ABDUL RAHMAN DAHLAN**

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Yayasan Peneraju









Nukilan

## Ketua Eksekutif Yayasan Peneraju

# Y.M. Raja Azura Raja Mahayuddin

## Realisasi Aspirasi

**Assalammualaikum dan Salam 1Malaysia.**

**Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada pasukan editorial atas dedikasi dan komitmen tinggi mereka sehingga berjaya menghasilkan #iniceritasaya edisi kedua. Paling istimewa, ucapan syabas saya tujukan kepada para penerima faedah Yayasan Peneraju atas kejayaan anda terutamanya mereka yang terpilih untuk berkongsi cerita dalam penerbitan #iniceritasaya edisi kedua.**

Menyingkap kembali sejarah edisi sulung #iniceritasaya, buku ini pertama kali diterbitkan pada tahun 2015 dan menampilkan 30 kisah kejayaan penerima faedah Yayasan Peneraju daripada pelbagai bidang merangkumi pendidikan akademik, latihan kemahiran sehingga ke peringkat pensijilan profesional. Kini, jumlah anak-anak Yayasan Peneraju yang berjaya semakin meningkat saban tahun, maka pada keluaran kali ini kami telah memilih 50 kisah kejayaan untuk dikongsi bersama seluruh rakyat Malaysia. Mereka yang terpilih ini mewakili lebih 15,000 penerima faedah Yayasan Peneraju yang dicapai dalam jangkamasa 5 tahun.

#iniceritasaya merupakan salah satu daripada testimoni kepada komitmen berterusan Yayasan Peneraju sejak beroperasi pada tahun 2012 iaitu untuk memupuk dan membangunkan bakat Bumiputera dengan matlamat supaya mereka mampu menyerlahkan potensi sebenar diri mereka ke tahap yang lebih tinggi, **mengubah impian menjadi realiti serta merubah kehidupan ke arah yang lebih baik** - itu **KOMITMEN** kami!

#iniceritasaya adalah himpunan kisah yang sarat dengan nilai-nilai positif yang memberi inspirasi, merebut peluang, dan merubah kemungkinan menjadi realiti. Dalam kata lain, ia boleh diibaratkan sebagai himpunan kisah motivasi yang jika kita kongsikan, mampu menghasilkan ‘kuasa’ motivasi yang boleh menjadi pembakar semangat bukan sahaja kepada rakan-rakan di dalam keluarga Yayasan Peneraju sendiri malah kepada bakat Bumiputera di luar sana yang sedang mencari peluang untuk memperbaiki kehidupan dan ingin

## “Merubah kehidupan ke arah yang lebih baik – itu TANGGUNGJAWAB kami!”

mencapai sesuatu dalam kehidupan.

Lebih 5 tahun bersama Yayasan Peneraju, secara peribadi terlalu banyak pengajaran dan pengalaman yang dapat saya pelajari dari lebih 15,000 anak-anak kami yang semuda 13 tahun sehinggalah ke usia 45 tahun.

Sebahagian perkongsian, tentang makan nasi berkuahkan air dan gula, kisah ubi kayu menjadi makanan ruji, berpuasa demi menyimpan duit membeli sebatang pen, terpaksa berjalan lebih 2 jam hanya untuk sampai ke sekolah demi menuntut ilmu, membanting tulang bekerja sejak umur 9 tahun untuk membantu menyara keluarga, terpaksa berkorban menjadi “ibu” kepada 7 orang adik seawal usia 12 tahun dan banyak lagi memang meruntun jiwa dan menyayat hati saya.

Melalui Yayasan Peneraju yang berkonsepkan “Peluang Kedua”, amat nyata mereka tidak mensia-siakan peluang yang diberi, kecekalan dan keazaman telah merubah kehidupan menjadi lebih baik dari dulu, membawa keluarga keluar dari belenggu kesusahan serta kekal berjaya dan cemerlang dalam bidang yang diceburi.

Ramai antara anak-anak kami yang telah membuktikan bahawa berbekalkan semangat, nilai-nilai positif diri, kemahuan untuk berjaya serta diberi

## “#iniceritasaya adalah himpunan kisah yang sarat dengan nilai-nilai positif seperti memberi inspirasi, merebut peluang, dan merubah kemungkinan menjadi realiti…”

peluang dan bimbingan, mereka kini telah menjadi agen perubahan dalam merubah nasib diri dan kehidupan keluarga ke tahap yang lebih baik. Tidak dapat dibayangkan betapa bangga dan gembiranya seseorang ayah mahupun ibu apabila anak-anak mereka telah berjaya.

Kini, ada yang seawal usia 21 tahun, mengirim RM1,000 setiap bulan untuk membantu ibu bapa, ada yang berkongsi cerita membelikan batu bata buat si ayah untuk memperbaiki rumah di kampung yang usang dan terbiar, membelikan tanah supaya keluarga tidak lagi hidup menumpang, membawa keluarga bercuti buat kali pertama dan pelbagai kisah yang sentiasa membuatkan kami di Yayasan Peneraju mengukir senyuman kepuasan dengan kisah kejayaan anak-anak kami.

Kita juga sedia maklum bahawa Malaysia tidak pernah ketinggalan dalam menghasilkan ramai wira negara dalam pelbagai bidang. Kami turut berbangga kerana ada di kalangan wira-wira negara ini merupakan anak-anak Yayasan Peneraju dan #iniceritasaya menambahkan lagi senarai wira negara seperti;

- Adik Fathin Amirrah, 20 tahun, yang mendapat tempat pertama di Malaysia dan ketiga terbaik di dunia untuk keputusan kertas P5 ACCA.
- Mohd Noor Shah Rani Shahdan, 30 tahun, pendapatan pernah mencecah 5 angka sebulan sebagai inspektor kimpalan semasa tempoh pemantauan pekerjaan Yayasan Peneraju.
- Adik Nur Amira Zul Akmal, 23 tahun, pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) (Kepujian) di UNITAR yang berjaya mendapat Anugerah Dekan 9 semester berturut-turut.
- Turut membanggakan dan menyentuh perasaan adalah apabila penerima faedah kami sekarang mampu menyumbang kembali kepada masyarakat dan negara dengan cara mereka tersendiri. Umpamanya, Fajrul Omar, 23 tahun (Peneraju Skil PADI *Open Water Scuba Instructor)* telah mengasaskan perniagaannya sendiri iaitu BlackPearl DiveTeam dan sejak itu telah melatih dan menggaji anak-anak muda untuk mengikut jejak beliau. Usaha murni Fajrul ini boleh diibarat seperti mewujudkan Yayasan Peneraju Mini khusus buat mereka yang mempunyai minat mendalam untuk menjadi seorang Instruktor atau penyelam skuba.

Saya berharap #iniceritasaya mampu memberi inspirasi dan menghasilkan lebih ramai wira di luar sana yang bukan saja berjaya mencapai impian

mereka malah boleh menyumbang kembali kepada negara sepertimana yang dilakukan oleh 50 wira Yayasan Peneraju ini. Di Yayasan Peneraju, kami hanya menyediakan platform kepada anak-anak ini, tetapi setiap kejayaan yang mereka kecapi hari ini adalah hasil kerja keras serta doa mereka sendiri.

Saya yakin dalam tempoh 10 tahun akan datang, ramai penerima faedah Yayasan Peneraju yang akan menjadi pemimpin disegani dan menyumbang jasa memacu pembangunan negara pada masa depan. Saban hari saya mendoakan anak-anak Yayasan Peneraju dan saya pasti ia akan menjadi kenyataan!

Bagi pihak Yayasan Peneraju, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam pembikinan #iniceritasaya. Tidak lupa juga kepada semua pihak yang bertungkus lumus untuk memastikan kejayaan anak-anak ini. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada YAB Perdana Menteri sendiri kerana Yayasan Peneraju lahir daripada cetusan idea pemimpin yang berpandangan jauh dan bersemangat waja ini, Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Peneraju. Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Yayasan Peneraju, Penyumbang-Penyumbang Dana, Rakan-Rakan Program atau Strategik, warga kerja dan sudah tentunya penerima-penerima faedah Yayasan Peneraju sekalian! Terima kasih.

Dengan ingatan tulus ikhlas dan salam mesra.

**Y.M. Raja Azura Raja Mahayuddin**

Ketua Eksekutif
Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera







# Latar Belakang

YAYASAN PENERAJU PENDIDIKAN BUMIPUTERA

**PENUBUHAN**

**24 November 2011** dan mula beroperasi pada **14 Februari 2012**



**YAB DATO' SRI MOHD NAJIB TUN HAJI ABDUL RAZAK**

**Perdana Menteri**
Merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Peneraju



**YB DATUK SERI ABDUL RAHMAN DAHLAN**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri**
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Yayasan Peneraju



**Y.M. RAJA AZURA RAJA MAHAYUDDIN**

**Ketua Eksekutif Yayasan Peneraju**

**SASARAN**




40,000 penerima faedah menjelang 2020

## PROGRAM PEMBIAYAAN TERAS

### Peneraju Tunas

Pendidikan akademik bagi pelajar sederhana /cemerlang yang berpotensi dari latarbelakang yang mencabar

### Peneraju Skil

Pendidikan teknikal & vokasional bagi:

1. Remaja kurang cenderung ke arah akademik
2. Pekerja mahir dengan pensijilan TVET

### Peneraju Profesional

Pensijilan profesional bagi lepasan SPM/ Pemegang Diploma & Ijazah Sarjana Muda/ Pensijilan Asas

## KOMITMEN KAMI

- Pendapatan Tinggi
- Peluang Pekerjaan
- Program Pemupukan Dan Pembangunan Diri
- Pensijilan Industri/ Antarabangsa/ Profesional
- Pendidikan/Latihan Berkualiti

## INDUSTRI

- Minyak, Gas dan Tenaga
- Perkhidmatan Perniagaan
- Perkhidmatan Kewangan
- Elektrik dan Elektronik
- Penjagaan Kesihatan
- Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur
- Pelancongan
- Logistik

# Program-program Intervensi Gelombang 2 (2015-2017)

## Peneraju Tunas

### Lepasan UPSR

- Tunas Geliga
- Tunas Geliga IGCSE
- Tunas Azam Darul Kifayah
- Tunas Azam Yakin

### Lepasan SPM/STPM

- Tunas Potensi
- Yayasan Sime Darby (YSD) - Peneraju Tunas Potensi Bursary
- Tunas Potensi (Dermasiswa)

## Peneraju Skil

### Minyak, Gas & Tenaga

- *Crane Operator* Pengerang
- *Gas Pipe Insulation*
- *NDT Inspector (Radiographic Interpretation)*
- *Rigging Sling Singaling (RSS)*
- *Rotating Equipment Technician*
- *Scaffolding Level 1*
- *Scaffolding Level 2*
- *Site Safety Supervisor*
- *Tower Crane Operator*
- *Painting Inspector BGAS*
- *Pipefitter*
- *Welding 6GC*
- *Welding GC*
- *Welding Inspector CSWIP 3.1*

### Perkhidmatan Perniagaan

- *Licensed Aircraft Technician*
- *Licensed Aircraft Technician* (PERHEBAT)
- *Licensed Aircraft Technician (Workforce)*
- *Support Services* Pengerang

### Elektrik & Elektronik

- *Chargeman B0*
- *Chargeman L1*
- *Chargeman A4*

### Pelancongan

- Seni Kulinari
- *Beauty Therapy*
- *PADI Divemaster*
- *PADI Open Water Scuba Instructor*
- Terapi Spa
- *Front Office Operation*

### Lain-lain

- Automotif
- *Aircraft Component Manufacturing Technician*
- *Bus Driver* Pengerang
- *CNC Machinist*
- *Aerospace Composite Manufacturing Technician*
- *Ground Handling*
- *Sheet Metal Fabrication*
- *Heavy Vehicle Commercial Drivers*
- *Telecommunication Technician*
- *Truck Lorry Driver* Pengerang
- *Wireless Telecommunication*
- *Quality Assurance & Quality Control*

## Peneraju Profesional

### Perkhidmatan Kewangan

- *Chartered Financial Analyst ® (CFA®)*
- *Capital Market*
- *Financial Risk Manager (FRM)*

### Kandungan Komunikasi & Insfrastruktur

- *Big Data*
- SAP

### Perkhidmatan Perniagaan

- *CAT*
- *CBA-CIMA*
- *ACCA*
- *CIMA*
- *ICAEW*
- *MICPA*
- *CPA Australia*
- *Licensed Aircraft Engineer*

# Pencapaian Setakat 31 Julai 2017




*Data setakat 31 Julai 2017

# Tekad

**Raja Azura Raja Mahayuddin**

Detik demi detik berlalu pergi
Kini tiba masa untuk menyaksi
Adik-adikku melangkah ke alam baru
Berbekal semangat, ilmu, doa dihati dan tekad yang satu

Tekad untuk berjaya, tekad untuk cemerlang
Tekad untuk menggapai aspirasi
Tekad untuk menjadi yang tersohor dan yang terbaik dari segala segi

Adik-adikku
Kami senantiasa akan bersamamu
Bersama dalam membakar semangatmu
Bersama dalam mendoakanmu tanpa jemu
Bersama di dalam membantu dimana sahaja yang perlu

Tapi, perlu kau tahu
Hanya dirimu yang dapat merubah diri
Hanya dirimu yang dapat merealisasikan aspirasi
Hanya dirimu yang dapat menterjemah doa dan harapan menjadi realiti

Buktikanlah adik-adikku
Buktikan bahawa kaulah wira kami
Buktikanlah bahawa kejayaanmu bukan sekadar mimpi
Buktikanlah bahawa mimpimu akan menjadi realiti

Akan kami nantikan detik dan saat itu
Saat yang satu...
saat menyaksikan dirimu di mercu

#ini cerita saya

KISAH-KISAH
REALITI . ASPIRASI . INSPIRASI
PENERIMA FAEDAH

# Peneraju Tunas

Program pembiayaan pendidikan untuk pelajar sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi yang berpotensi, berpendapatan isi rumah rendah (RM4,000 ke bawah) dan dari latarbelakang yang mencabar bagi mendapatkan pendidikan berkualiti

# Nur Hanani Nor Azman

## 16 tahun, Kedah



Anak ke-2 daripada 3 orang adik-beradik

Kakak sulungnya dilahirkan kelainan upaya

Mendapat 10A bagi peperiksaaan PT3 pada tahun 2016. Aktif dalam Pasukan Debat Bahasa Inggeris

Ayahnya telah meninggal dunia. Disara oleh ibu tunggal yang bekerja sebagai penoreh getah. Menerima upah RM12-20 sehari

Merupakan pelajar Tingkatan 4 di SM Sains Seri Puteri, Kuala Lumpur dan akan menduduki SPM pada tahun 2018

Dibiayai oleh Yayasan Peneraju sejak tahun 2014

# Kesusahan Jadi Pendorong Anak Penoreh

# Muhammad Firdaus Sabani

**16 tahun, Perlis**



Anak sulung daripada 3 orang adik-beradik

Tubuh badan agak kecil berbanding rakan-rakannya tetapi sangat proaktif dan ada keyakinan diri yang tinggi

Mendapat 10A bagi peperiksaaan PT3 pada tahun 2016. Aktif dalam Kelab Doktor Muda hingga mewakili sekolah di peringkat kebangsaan

Ayah pekerja kilang dan ibunya seorang suri rumah

Merupakan pelajar Tingkatan 4 di MRSM Taiping, Perak dan akan menduduki SPM pada tahun 2018

Dibiayai oleh Yayasan Peneraju sejak tahun 2014

## ‘Kecil-kecil Cili Padi’ Yang Menyerlah

# Auni Wadhihah Azahar

**16 tahun, Pahang**



Anak bongsu daripada 3 adik-beradik

Bapa seorang pekerja buruh dan ibu bekerja sebagai tukang jahit. Ibu bapa sudah berpisah dan di bawah jagaan ibunya

Memohon program ini dengan keputusan 4A bagi UPSR dan mendapat keputusan cemerlang 11A bagi peperiksaaan PT3 pada tahun 2016

Merupakan pelajar Tingkatan 4 di SMKA Dato' Haji Abbas, Kuala Terengganu dan akan menduduki SPM pada tahun 2018

Dibiayai oleh Yayasan Peneraju sejak tahun 2014

## Perpisahan Keluarga Bukan Halangan Dapat 11A

# Faiz Alian bin Mohd Zamre

**17 tahun, Kelantan**



Anak sulung daripada 8 adik-beradik

Dibesarkan oleh ibu tunggal yang bekerja sebagai pembantu restoran setelah ayahnya menghilangkan diri

Walaupun dilahirkan kelainan upaya, beliau cemerlang di dalam akademik dan ko-kurikulum. Mendapat 10A bagi peperiksaaan PT3 dan *CGPA* terkini 3.75

Merupakan pelajar Tingkatan 5 di MRSM Pengkalan Chepa, Kelantan dan akan menduduki SPM pada Disember 2017

Sekeluarga pernah diuji; rumah musnah dalam kebakaran pada Julai 2015

Dibiayai oleh Yayasan Peneraju sejak tahun 2013

## Anak Muda Kelainan Upaya Berjiwa Kental

# Allister Tik Tony

## 17 tahun, Sarawak



Anak sulung daripada 4 orang adik-beradik

Ayahnya bekerja sebagai pemburu, petani dan nelayan. Ibunya suri rumah

Salah satu penerima faedah *all star*; cemerlang di dalam akademik serta jaguh sukan dan pernah mewakili sekolah di peringkat daerah

Pelajar Penan pertama mendapat biasiswa Peneraju Tunas Geliga

Mendapat keputusan 9A untuk PT3 dan *CGPA* terkini 3.72

Merupakan pelajar Tingkatan 5 di MRSM Kuching, Sarawak. Akan menduduki SPM pada Disember 2017

Dibiayai oleh Yayasan Peneraju sejak tahun 2013

# Pelajar Penan Pertama Dapat Tajaan

# Nur Aishah Shaari

## 18 tahun, Kuala Lumpur



Anak ke-10 daripada 11 orang adik-beradik

Ibu bapanya telah berpisah. Ayah seorang pesara dan ibu berniaga dengan pendapatan sekitar RM1,200 sebulan

Terpaksa menolak tawaran ke SBPI dan MRSM kerana tidak ingin membebankan ibunya dari segi kewangan

Bercita-cita menjadi seorang doktor, kini menyambung pelajaran di Kolej Matrikulasi Selangor

Dinobat Pelajar Cemerlang SPM 2016 setelah mendapat keputusan tertinggi 6A di Kompleks Darul Kifayah

Salah satu penerima faedah Yayasan Peneraju yang berpotensi

# Puas Pengorbanan Berbaloi

# Siti Nur Mashitah binti Sufian

**23 tahun, Pahang**



Anak sulung daripada 7 orang adik-beradik

Ayah berpendapatan tidak tetap kerana mengurus gerai makanan di kampung dan ibu telah meninggal dunia

Kini bekerja sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Perempuan Sri Aman, Petaling Jaya

Ibunya disahkan menghidap kanser payudara 2 minggu sebelum beliau berlepas ke Australia untuk menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda

Salah seorang graduan pertama Yayasan Peneraju bagi tajaan luar negara. Mendapat Ijazah Sarjana Muda Psikologi - Kelas Pertama dari *University of Queensland*

## Dedikasi Kejayaan Buat Arwah Ibu

# Winnie Kariza Bakri

## 25 tahun, Sabah



Anak sulung daripada 5 adik-beradik

Ayah seorang pesara & menerima wang pencen sebanyak RM 1,000 sebulan. Ibu seorang suri rumah

Berjaya mendapat *CGPA* 4.0 untuk STPM walaupun keputusan SPM kurang memberangsangkan. Dibiayai oleh Yayasan Peneraju dan berjaya tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Kepujian) Geografi (Kelas Pertama) di UKM

Kini berkhidmat di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Turut mempunyai Ijazah Pengurusan Persekitaran daripada universiti yang sama

# Keputusan Sederhana, Cetus Tekad Jadi Berjaya

# Nur Amira Zul Akmal

**23 tahun, Kuala Lumpur**



Anak ke-5 daripada 10 adik-beradik

Dibiayai oleh Yayasan Peneraju dan berjaya tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) (Kepujian) - Kelas Pertama dan Penerima Anugerah Canselor dari UNITAR

Kini berkhidmat di UNITAR sebagai *Management Trainee* di bawah program ILTIZAM *Professional Development Programme* (PDP) oleh Ekuinas

Ayah seorang pesara & ibu seorang suri rumah

Sebagai anak perempuan sulung, telah bantu ibunya membuat kerja rumah sejak kecil lagi

Menolong ibunya jual kuih muih dari rumah ke rumah untuk membantu keluarga

Juga merupakan sukarelawan di bawah *Malaysian Relief Agency*

## Penerima Anugerah Dekan 9 Semester Berturut-turut

# Mohd Faiz bin Muhamad

**23 tahun, Johor**




Anak bongsu daripada 6 adik-beradik

Ayah seorang peneroka FELDA & ibunya telah meninggal dunia.

Dibiayai oleh Yayasan Peneraju dan berjaya mendapat Ijazah Sarjana Muda (Komunikasi Massa) (Kepujian)- Kelas Pertama dari UCSI

Sebelum ini pernah mengikuti pengajian A-Level TESL tetapi diberi peluang kedua oleh Yayasan Peneraju untuk menukar kursus

Kini bekerja di *Geometry Global* Malaysia, salah satu agensi pengiklanan terkemuka

Pemenang Yasmin Ahmad *Special Award di National Flick Fiesta* 2016 - Kategori Filem Pendek Terbaik *Flaw*

## Bakat Terserlah Selepas Diberi Peluang Kedua

# Zebedeus Henry Bakim

## 23 tahun, Sarawak



Anak ke-3 daripada 4 adik-beradik

Abangnya seorang OKU akibat kemalangan dilanggar lori dan menjadi pendorong untuk beliau berjaya dalam kehidupan melalui pendidikan

Ayahnya telah meninggal dunia akibat leukemia dan dibesarkan oleh ibu tunggal yang bekerja sebagai petani.

Dalam kesusahan hidup, ibu tetap menekankan pendidikan yang berkualiti untuk anak-anaknya

Dibiayai oleh Yayasan Peneraju dan mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) - Pengurusan Perniagaan Antarabangsa dari *Asia Pacific University of Technology and Innovation (APU)* dan turut diiktiraf oleh *Staffordshire University, United Kingdom*

Dilahirkan di dalam persekitaran yang mencabar tidak menghalang beliau untuk cemerlang dalam akademik

Akan melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Perniagaan Antarabangsa di *University of Sydney*

# Kecekalan Ibu Tunggal Pembakar Semangat

# Nurul Hazita Mohd Azmi

## 23 tahun, Kelantan



Anak ke-4 daripada 8 orang adik-beradik

Ayahnya sudah meninggal dunia sejak umurnya 9 tahun dan ibunya seorang suri rumah

Satu-satunya penerima faedah tajaan luar negara di Amerika Syarikat

Dibiayai oleh Yayasan Peneraju dan tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sains Aktuari dari *University of Michigan*

Pernah mendapat Anugerah cemerlang daripada Jabatan Matematik dari universiti yang sama

# Penerima Faedah Sulung Terpilih Ke Amerika Syarikat

# Muhammad Yusman bin Mohd Yatim

**23 tahun, Perak**



Anak ke-6 daripada 9 orang adik-beradik

Ayahnya seorang pesara dan ibunya seorang suri rumah

Dibiayai oleh Yayasan Peneraju dan tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Geosains Petroleum dari Universiti Teknologi Petronas (UTP)

Mendapat anugerah *Bronze Award in Science & Engineering Design Exhibition (SEDEX) 2016* dan Anugerah Gangsa di Sesi Konvokesyen Ke-16 UTP untuk projek tahun akhirnya

Masalah kewangan yang melanda keluarganya telah menghalang adik-adiknya daripada menyambung pengajian

Kini bekerja sebagai Ahli Geologi di *Emerson Automation Solution*

## Pengorbanan Adik-Beradik Sumber Kekuatan

# Abdul Munir bin Mohamad Tajuddin

**23 tahun, Kedah**



Anak bongsu daripada 6 orang adik-beradik

Ayahnya bekerja sebagai penoreh getah dan ibunya seorang suri rumah

Dibiayai oleh Yayasan Peneraju dan berjaya tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian dan Sistem) (Kepujian) (Kelas Pertama) dari Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

Datang dari keluarga yang berpendapatan tidak tetap dan ibu bapanya tidak mendapat pendidikan yang lengkap kerana kekangan kehidupan

Kini bekerja sebagai Pakar Teknikal di Enfrasys Consulting

## Keperitan Hidup Tidak Patahkan Semangat

# Mohd Asaraf bin Sahimun

**22 tahun, Sabah**



Anak bongsu daripada 6 orang adik-beradik

Kedua-dua ibu bapanya bekerja sebagai petani dengan pendapatan isi rumah sebanyak RM400 sebulan

Dibiayai oleh Yayasan Peneraju sehingga menjadi graduan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dari *HELP University*

Kini bekerja di *DHL Asia Pacific Shared Services*

Bercita-cita untuk menjadi peguam sejak kecil kerana kerana berniat untuk membantu rakyat Sabah yang tidak berdaya untuk mempertahankan diri bagi menegakkan keadilan.

Bakal melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Keadilan Jenayah di Universiti Malaya

## Anak Sabah Bangga Berkhidmat di Syarikat Multi Nasional

#ini cerita saya

KISAH-KISAH
REALITI. ASPIRASI. INSPIRASI
PENERIMA FAEDAH

# Peneraju Skil

Program pembiayaan kemahiran yang meliputi pelbagai industri dengan peringkat pengiktirafan industri dan antarabangsa. Terbahagi kepada dua segmen iaitu Peneraju Skil Iltizam (pelajar kurang cenderung akademik) dan Peneraju Skil (pekerja mahir).

# Sabri bin Sapri

**24 tahun, Sabah**



Anak ke-7 daripada 9 orang adik-beradik

Kini, bekerja di Jen Hotel Puteri *Harbour*, Nusajaya, Johor dengan pendapatan mencecah RM2,000 sebulan

Ayah telah meninggal dunia dan ibu pula seorang suri rumah

Bersyukur kerana dapat meringankan bebanan ibu dalam menguruskan keluarga selepas kematian ayah

Gembira kerana dapat membantu ibunya dari segi kewangan setelah berjaya tamat program Yayasan Peneraju dengan penempatan pekerjaan yang disediakan.

## Berjauhan Dari Keluarga, Peluang Berdikari

# Muhammad Hamisan bin Sapie

